Tatacara Permohonan Jawatan Bagi
Research, Evaluation and Assessment Specialist (REAS)

Sukacita memaklumkan bahawa pihak Sekretariat SEAMEO telah membukakan tawaran bagi mengisi jawatan *Research, Evaluation and Assessment Specialist* di Sekretariat SEAMEO. Jawatan ini dibukakan kepada individu yang mempunyai pengetahuan dalam penyelidikan mengenai pendidikan dasar, penilaian projek dan komited terhadap menghasilkan dan melaksanakan program dan aktiviti SEAMEO.

Sehubungan itu, bagi mana-mana pegawai yang berjaya dipilih untuk mengisikan jawatan berkenaan perlulah menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atau memohonkan cuti tidak bergaji selama tempoh berkhidmat di SEAMES. Walaubagaimanapun, kebenaran mengenainya adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya dan sebarang pencalonan hendaklah dihadapkan kepada pihak Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) terlebih dahulu.

Maklumat lanjut mengenainya bolehlah diperolehi di dalam dokumen-dokumen yang dilampirkan:

1. Keistimewaan Kakitangan Profesional di Sekretariat SEAMEO;
2. Maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut (Post Description);
3. Petikan daripada Undang-Undang dan Peraturan Kakitangan Sekretariat SEAMEO;
4. Borang permohonan.

Calon-calon yang berminat bolehlah menghantar borang permohonan serta dokumen-dokumen yang lengkap ke alamat berikut selewat-lewatnya pada 20 Februari 2025:

Bahagian Perhubungan Antarabangsa
Tingkat 2, Blok A,
Bangunan Lama Kementerian Pendidikan
Jalan Airport Lama, Berakas Negara Brunei Darussalam